

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]
TARIKH : 12 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah benar kementerian akan memisahkan penjualan ubat dan perkhidmatan rawatan dan apakah kebaikan kaedah ini kepada orang ramai. Adakah benar kaedah ini dipercayai akan memanfaatkan beberapa farmasi yang tertentu untuk menjual ubat kepada pesakit selepas mendapat perkhidmatan rawatan. Adakah harga ubat akan meningkat selepas kaedah ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, pengasingan fungsi klinik (perkhidmatan rawatan) dan farmasi (pendispesan/penjualan ubat) telah lama dipraktikkan oleh semua hospital dan klinik kesihatan Kerajaan serta pusat-pusat perubatan swasta di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia mengamalkan pengasingan fungsi klinik dan farmasi secara tidak menyeluruh, di mana hak ahli farmasi untuk mendispens diiktiraf dan

pengamal perubatan juga boleh mendispens ubat kepada pesakit yang dirawat di klinik mereka.

Ini selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 19 dan 21 Akta Racun 1952 mewajibkan pengamal perubatan mendispens sendiri ubat-ubatan kepada pesakit mereka dan bukan oleh pembantu klinik. Ada kalanya klinik turut menjual ubat secara terus kepada pesakit tanpa mendapat rawatan dari pengamal perubatan.

Pengasingan fungsi klinik dan farmasi bertujuan membolehkan satu sistem semak dan imbang untuk memastikan pesakit mendapat ubat-ubatan yang bersesuaian dalam batasan kos serta mendapat nasihat tentang penggunaan dan keselamatan ubat-ubatan mereka agar mencapai tahap kesihatan yang diharapkan.

Pada masa ini, pengasingan pendispensan wajar diberi pertimbangan dan sedang dalam perbincangan untuk dilaksanakan. Antara sebab Kerajaan tidak menimbangkan perkara ini beberapa tahun yang lalu adalah kerana masalah kekurangan ahli farmasi berdaftar tetapi kini, sehingga 31 Disember 2013 terdapat 11,372 ahli farmasi berdaftar di negara ini dan pengasingan pendispensan tidak lagi mustahil untuk dilaksanakan.

Pelaksanaan dasar pengasingan fungsi klinik dan farmasi sepenuhnya ini akan mengambil kira semua aspek serta kepentingan dan pandangan semua lapisan rakyat bagi menyediakan perkhidmatan farmasi yang lebih baik dan berkesan. Rakyat diberi peluang yang saksama dalam mendapatkan maklumat berkaitan ubat-ubatan dan mengoptimalkan penggunaan ubat secara berkualiti dan mengurangkan pembaziran

ubat seterusnya akan menyumbang kepada pengawalan harga supaya pada masa yang sama menjadikan kos rawatan lebih efektif dan menjamin keselamatan pesakit.